

02 OCT 2003

Asean-Sidang Kemuncak

USAHA BANTERAS KEGANASAN DIJANGKA KUASAI SIDANG ASEAN

Oleh: Salbiah Said & Openg Onn Net

NUSA DUA (Bali), 2 Okt (Bernama) -- Para pemimpin Asean akan bertemu di sini pada Selasa depan (7 Okt) semasa sidang kemuncak kesembilan perkumpulan utama negara-negara Asia Tenggara itu dalam suasana kawalan keselamatan yang ketat dengan usaha banteras keganasan dijangka menjadi agenda utama mereka.

Indonesia, yang kini mempengerusikan Asean telah menempatkan 5,000 anggota tentera dan polis bagi mempertingkatkan kawalan keselamatan di sekitar pulau percutian Bali yang popular, yang masih belum bebas sepenuhnya daripada kesan serangan maut penganas pada Oktober lepas.

Anggota tentera Indonesia telah menjalankan beberapa latihan bersama untuk menghadapi kemungkinan ancaman penganas.

Menurut Ketua Turus Hal Ehwal Am Tentera Nasional Indonesia (TNI), Lt Gen Djamiri Chiniago, pesawat pejuang, helikopter, kereta perisai, meriam air dan peralatan canggih yang lain telahpun ditempatkan untu memastikan sidang kemuncak itu berjalan dengan lancar dan selamat.

Tentera Laut Indonesia pula telah membawa tujuh kapal perang untuk mengawasi perairan Bali sebagai langkah keselamatan.

Menteri Luar Indonesia Hassan Wirayuda berkata sidang kemuncak itu akan mengeluarkan dokumen `Bali Concorde II' yang akan menggariskan konsep Masyarakat Keselamatan Asean, Masyarakat Ekonomi Asean dan Masyarakat Sosial dan Budaya Asean.

Ketiga-tiga agenda itu akan menjadi pencapaian bersejarah bagi Asean kerana ia akan membentuk rancangan rangka tindakan baru bagi perkumpulan serantau itu sehingga 2020, katanya.

Beliau berkata konsep dokumen itu telah dipersetujui oleh Menteri-menteri Luar Asean semasa mesyuarat mereka baru-baru ini di New York.

"Hanya terdapat sedikit maklumat mengenai apa yang akan dibincangkan semasa mesyuarat bersama pegawai-pegawai kanan dan Menteri-menteri sebelum sidang kemuncak," kata beliau di Jakarta semalam.

"Beberapa lagi dokumen yang akan dibincangkan lanjut semasa mesyuarat itu ialah penyertaan China dan India dalam Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama Asean (TAC) dan perjanjian Anti-Keganasan antara Asean dan India, satu perkongsian strategik antara Asean dan China dan juga perjanjian kerjasama antara Asean dan Jepun," kata Hassan.

Mesyuarat itu akan bermula dengan satu majlis makan malam tidak rasmi hari ini bagi para pegawai kanan Asean dan rakan-rakan mereka dari China, Jepun dan Korea Selatan.

Para pegawai kanan itu akan mengadakan mesyuarat berasingan selama dua hari bermula esok. Menteri-menteri Luar dan Ekonomi pula dijadual membincangkan isu-isu perdagangan dan keselamatan pada Ahad.

Seramai 14 ketua kerajaan dijadual menghadiri sidang kemuncak itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pemimpin paling kanan dalam Asean akan menghadiri sidang kemuncak itu, bagi kali terakhir sebagai Perdana Menteri Malaysia memandangkan beliau akan bersara pada 31 Okt ini.

Mereka yang lain menghadiri sidang kemuncak itu ialah Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong, Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra, Presiden Filipina Gloria Macapagal-Arroyo, Presiden Indonesia Megawati Soekarnoputri dan Sultan Hassanal Bolkihah dari Brunei.

Yang lain termasuk Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi, Perdana Menteri China Wen Jiabao, Perdana Menteri Vietnam Phan Van Khai, dan

Perdana Menteri India Atal Behari Vajpayee.

Pada sidang kemuncak terakhir di Phnom Penh, Kemboja pada 3 Nov, 10 pemimpin rantau itu mengeluarkan perisytiharan bersama untuk menangani keganasan. Sejak itu, negara-negara Asean telah meningkatkan kerjasama dalam risikan dan pertukaran maklumat.

Setiausaha Agung Asean Ong Keng Yong berkata usaha membanteras keganasan akan menjadi agenda penting di sidang kemuncak Bali, tetapi kumpulan itu tidak akan menyediakan senarai langkah-langkah spesifik.

"Di Bali, idea para pemimpin ialah untuk menentukan respons terhadap keganasan dalam konteks yang lebih strategik untuk menangani masalah itu dalam jangka panjang," kata Ong di Jakarta baru-baru ini.

Di sidang kemuncak ke 8, para pemimpin itu telah menyatakan keazaman mereka untuk meningkatkan usaha "untuk menentang dan mengekang aktiviti kumpulan pengganas di rantau", termasuk penubuhan satu Pusat Anti-Keganasan Serantau di Malaysia.

"Sebelum Bali, Asean masih menafikan kewujudan keganasan di rantau," kata seorang pegawai Asean. "Tetapi selepas 12 Okt 2002, usaha membanteras keganasan menjadi keutamaan."

Bermula tahun 80-an, Asean menumpukan pada aktiviti-aktiviti ekonomi dan bagaimana untuk menyatukan ekonomi-ekonomi anggota dalam perkumpulan yang berusia 35 tahun itu. Beberapa tahun yang lepas, sementara berdepan dengan krisis kewangan 1997, ia juga cuba menangani masalah merentasi sempadan seperti jerebu yang disebabkan oleh kebakaran hutan.

Setiausaha Agung Asean Rodolfo Severino yang akan bersara berkata Asean kini terpaksa mengambil kira faktor keganasan dalam perbincangannya mengenai pertumbuhan ekonomi dan kerjasama, oleh kerana "kesemua ini bersangkutan paut".

Dalam banyak cara, label keganasan adalah sesuatu yang Asean tidak perlukan, khasnya ia boleh menjejaskan pelaburan dan pelancongan yang sangat diperlukan oleh rantau ini.

Rantau ini belum pulih sepenuhnya daripada krisis 1997 dan sedang cuba melindungi kemasukan pelaburan asing daripada dibolot oleh gergasi rantau iaitu China, yang dijangka menarik lebih banyak lagi pelaburan selepas ia menyertai Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) pada 2001.

-- BERNAMA

SS OPP AHH PR